

PEMAKNAAN MEDAN KECANTIKAN BERASASKAN AMALAN COBUILD

(Describing the Semantic Field of Beauty based on COBUILD)

Norliza Jamaluddin
norliza@fbk.upsi.edu.my

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,
Universiti Perguruan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak.

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Disember 2018

Sila rujuk: Norliza Jamaluddin. (2018). Pemaknaan Medan Kecantikan Berasaskan Amalan COBUILD. *Jurnal Bahasa* 18(2), 363-390.

Abstrak

Makalah ini mengemukakan kajian yang menerapkan amalan COBUILD (Collins Birmingham University International Language Database) dalam pemerian makna medan kecantikan bagi kamus ekabahasa bahasa Melayu. Pendekatan COBUILD dipilih kerana pemerian maknanya dalam bentuk huraian. Bentuk ini menghuraikan makna sama seperti bentuk bahasa Melayu yang standard. Bentuk ini agak berbeza daripada amalan leksikografi yang diterapkan dalam kamus ekabahasa kini, iaitu yang menggunakan bentuk “mampatan”. Sebanyak 18 entri medan kecantikan yang diteliti. Kajian ini mengemukakan dua objektif, iaitu pertama, penerapan amalan COBUILD dalam pemerian makna medan kecantikan dan kedua, kolokasi sebagai pembeza makna. Daripada 18 entri kecantikan ini yang memanfaatkan data korpus berkomputer Dewan Bahasa dan Pustaka diperoleh 33 makna keseluruhannya. Daripada jumlah ini sebanyak 15 kelompok makna sama ada bagi entri yang sama atau entri yang berbeza dapat dikelompokkan. Persamaan dan perbezaan ini adalah menerusi kolokasi yang diteliti daripada baris konkordans.

Kata kunci: COBUILD, medan kecantikan, kolokasi, data korpus, kamus ekabahasa

Abstract

This article presents is a study which applies COBUILD (Collins Birmingham University International Language Database) to describe the semantics field of “beauty” for the monolingual Malay language dictionary. The COBUILD approach is chosen as it provides meaning in the form of description. This form explains meaning in a similar way to Standard Malay. This approach is different from the lexicographical practices applied in the contemporary monolingual dictionary, which uses the “compression” form. 18 entries of the semantics field of beauty were examined. This study presents two objectives, firstly, the application of COBUILD in describing the semantic field of beauty and secondly, to look at collocations as a meaning differentiator. 33 meanings were gathered from 18 entries through the computerized corpus data of Dewan Bahasa and dan Pustaka. From these meanings, 15 groups of meaning were grouped, whether from the same entry or a different one. The similarities and differences are defined through collocations examined from the concordance lines.

Keywords: COBUILD, semantics field of beauty, collocation, corpus data, monolingual dictionary

PENDAHULUAN

Penelitian terhadap bidang perkamusan Melayu bukanlah suatu yang baharu di Malaysia. Kajian terhadap perkamusan telah rancak dijalankan pada penghujung tahun 1990-an apabila universiti tempatan memperkenalkan bidang leksikografi sebagai salah satu disiplin linguistik. Jika diteliti dari sudut pemaknaan kamus ekabahasa mutakhir ini, didapati banyak kajian memberikan tumpuan dari sudut cara pemaknaan sesuatu entri yang terdapat dalam kamus Melayu. Misalnya kajian oleh Nurul Ain (2015) yang meneliti pemaknaan dialek Kelantan; kajian metabahasa kamus Melayu dan Indonesia oleh Chong (2015); dan penelitian penambahan makna yang perlu dimuatkan dalam kamus ekabahasa hasil daripada penciptaan makna baharu oleh pengguna bahasa seperti dalam kajian Nor Fazilah (2017). Hasil kajian ini masih menunjukkan konvensi pemaknaan yang sama, iaitu pemaknaan yang bersifat mampatan. Oleh itu, kajian ini mengetengahkan pemaknaan yang dilakukan oleh Kamus COBUILD dalam memaknai medan kecantikan.

COBUILD atau Collins and Birmingham University International Language Database telah menghasilkan korpus yang besar untuk dijadikan

landasan dalam proses penyusunan kamus. Kerjasama antara sekumpulan penyelidik bahasa Inggeris di Universiti Birmingham dengan penerbit Collins telah menghasilkan projek penyelidikan bahasa Inggeris. Walaupun sejak tahun 1970-an lagi penyelidikan dijalankan secara berkomputer di universiti ini, tetapi hasilnya tidak begitu memberangsangkan. Hanya pada tahun 1980 hingga 1986, projek ini benar-benar memberikan kesan bagi proses menyelidik, menganalisis dan merekodkan bahasa Inggeris (Sinclair, 1991). Amalan leksikografi turut diubah sesuai dengan penggunaan bahasa Inggeris baku dan tradisi COBUILD mula diamalkan oleh ahli leksikografi khususnya dalam penyusunan kamus berbahasa Inggeris. Hal ini berkaitan rapat dengan peningkatan dalam penstoran data berbentuk data korpus berkomputer sehingga mengubah cara penghasilan kamus, khususnya kamus ekabahasa. Oleh itu, penelitian yang dibincangkan dalam kertas kerja ini melibatkan pemerian makna kata dalam medan kecantikan dengan memanfaatkan data korpus berkomputer dan menggunakan pendekatan yang diamalkan oleh COBUILD. Amalan COBUILD dipilih kerana kemampuannya untuk menjelaskan dan menghuraikan setiap kata dengan lebih jelas dan jitu hasil daripada penelitian yang dilakukan terhadap baris-baris konkordans yang besar saiznya.

MASALAH KAJIAN

Kamus ekabahasa memerikan setiap makna kata dengan menggunakan bahasa yang sama dengan kata entri, dan bagi kamus ekabahasa bahasa Melayu, bahasa yang digunakan pada entri dan bahagian takrifan ialah bahasa Melayu. Keadaan inilah yang menjadi punca kesukaran dan permasalahan bagi kamus ekabahasa, dan apabila tidak ditangani dengan baik menimbulkan kerumitan kepada pengguna untuk memahami takrifan sesuatu kata.

Berdasarkan konvensi perkamusan, kedudukan makna kata adalah pada bahagian kanan kamus, manakala entri diletakkan pada bahagian kiri. Contohnya:

panas	1. lawan sejuk (dingin), hangat; <i>air</i> ~ air yang dimasak (dihangatkan); 2. demam, gerah, palak; <i>demam</i> ~ penyakit demam dgn suhu badan yg sangat panas (tinggi); <i>sakit</i> ~ demam;
payah	tidak mudah, tidak senang, sukar, susah; <i>bukannya</i> ~ benar membuat kerja itu; ~ <i>basa</i> KI susah hendak

memperkatakan (merundingkan,
membincangkan) sesuatu.

entri

takrifan

Berdasarkan contoh ini, didapati bahawa entri dan takrifan menggunakan bentuk bahasa yang agak berbeza daripada bahasa biasa yang dikategorikan sebagai wacana leksikografi. Kehadiran wacana ini menyebabkan kata entri dan definisi ini tidak dapat dibaca sebagai satu ayat yang sama seperti pola ayat yang lazim dalam bahasa Melayu. Di samping itu, bahasa yang digunakan lebih ringkas kerana yang dipentingkan ialah makna dengan segera dapat ditanggapi oleh pengguna kamus.

Walaupun ayat yang dimuatkan menyimpang daripada pola ayat sebenar bahasa Melayu, hal ini masih diterima kerana kekangan ruang dan ini dinamakan sebagai teknik mampatan. Satu daripada teknik yang digunakan untuk memampatkan takrifan kata ialah penggunaan tanda kurungan. Hal seperti ini menyebabkan pengguna menghadapi kesulitan untuk memahami makna sesuatu kata kerana perlu membuat penginterpretasian sendiri terhadap kata yang dibacanya. Setiap kurungan ini mempunyai fungsi yang tersendiri dan di sinilah kebijaksanaan pengguna diperlukan untuk mentafsirkan kegunaan sesuatu kurungan. Antara fungsinya termasuklah sebagai:

- i. objek superordinat

Contohnya:

tampam II menampam menahan (perjalanan, aliran, pergerakan sesuatu) menghalang, menyekat;

Bagi entri ini, **tampam** bermaksud menahan perjalanan, aliran atau pergerakan sesuatu. Perkataan perjalanan, aliran, pergerakan sesuatu yang dimuatkan di dalam kurungan berfungsi sebagai objek bagi entri, yang menjelaskan bahawa **menampam** ini khusus untuk menahan perjalanan, aliran atau pergerakan sesuatu.

- ii. maklumat tambahan

Contohnya:

kelat rasa hampir-hampir pahit (spt rasa pinang), rasa sepat;
~ *dehe* Kl, Tr terlalu kelat.

lemah I tidak bertenaga (berkuasa, kuat), lesu: *dgn gerak yg ~ spt orang kehabisan tenaga, ia berjalan perlahan-lahan menuju jendela*; 2. rendah (dari segi pencapaian):

Frasa spt rasa pinang dan dari segi pencapaian merupakan maklumat tambahan bagi membantu pengguna memahami takrifan entri kelat atau lemah. Jika maklumat dalam kurungan ini tidak dimuatkan, sukar bagi pengguna untuk mengetahui rasa yang dirujuk sebagai kelat. Begitu juga lemah dengan maksud rendah yang merujuk pencapaian seseorang.

iii. pembatas makna

Contohnya:

kemin	kemas atau rapi buaatannya (kerusi, meja dll)
deruih	nakal (kanak-kanak)
dongking	kurus (badan)
culas II	KI liar (binatang)

Berdasarkan contoh di atas, entri *kemin* misalnya telah membataskan cakupan maknanya, iaitu *kemin* hanya merujuk kekemasan buatan bagi kerusi dan meja. Contoh ini menunjukkan bahawa entri *kemin* hanya terbatas bagi perabot dan kekemasan pembuatan ini tidak termasuk pakaian atau pertukangan kayu yang lain seperti kapal atau rumah. Begitu juga entri *deruih* yang khusus kepada kanak-kanak, manakala *dongking* khusus bagi badan sahaja.

Ada juga entri yang mempunyai takrifan yang masih tidak dapat memenuhi kehendak pengguna kerana kurangnya maklumat yang dimuatkan.

Contoh:

bera	hitam legam
cempek	cebeh-cebeh pd tepinya, sompek, serpih
lugu	jemu, jelak

Contoh di atas tidak menunjukkan bentuk tipikal kata tersebut. Hal ini menimbulkan kesukaran kepada pengguna kamus untuk memahami makna

yang dipaparkan. Pengguna berkemungkinan beranggapan bahawa *bera* merujuk semua benda yang hitam, iaitu bukan sekadar merujuk kulit yang hitam tetapi juga merujuk warna pakaian. Perkataan *bera* ini merupakan dialek Perak dan dalam dialek ini jika *bera* berkolokasi dengan pakaian atau warna objek yang lain seperti pintu atau dinding, maknanya bukan lagi hitam tetapi membawa maksud kotor. Begitu juga bagi entri *cempek*, perkataan Minang ini agak sukar untuk digunakan kerana tidak dimuatkan huraian makna dan tiada ayat contoh bagi membantu pengguna untuk memahami maksud perkataan ini dengan baik. Hal ini menunjukkan bahawa maklumat yang dimuatkan dalam kebanyakan kamus ekabahasa pada masa ini masih tidak mencukupi, khususnya bagi entri dialek atau kata yang tidak lazim digunakan dalam komunikasi.

Di samping itu, kamus juga amat mementingkan keringkasan dalam pentakrifan kata kerana kekangan ruang. Hal ini disebabkan jumlah kosa kata yang terdapat dalam kamus melibatkan ribuan entri, maka sering kali kamus ekabahasa memuatkan kata yang seerti atau maklumat sinonim bagi mentakrifkan sesuatu entri. Hal ini kadangkala membantu pengguna, tetapi adakalanya menimbulkan kerumitan apabila makna sinonim yang diberikan lebih sukar berbanding dengan kata entri. Bentuk takrifan yang baik ialah takrifan yang mampu menyampaikan makna dalam bahasa yang mudah difahami oleh pengguna.

Dalam hal kamus ekabahasa seperti *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), terdapat sebilangan entri yang agak sukar difahami kerana kata-kata seerti yang diberikan dalam bahagian takrifan lebih sukar daripada entri. Contohnya seperti yang berikut:

baguk	bagur
baling	cerpelai
jabil	pundi-pundi, uncang, undil
jurutafsir	juruuulas
lanau	lumpur, berlumpur, becak

Contoh di atas menunjukkan bahawa dalam pemberian takrif kepada sesuatu kata, terdapat perkataan dalam bahagian takrifan yang tidak dapat difahami oleh pengguna. Pengguna perlu merujuk kamus untuk memahami makna bagi perkataan tersebut. Sifat yang sebegini disebut sebagai kelingkaran makna. Makna perkataan di atas seperti *bagur*, *cerpelai*, *undil*, *juruuulas* dan *becak* hanya diketahui dengan meneliti semula kamus untuk mendapatkan maknanya. Contohnya ditunjukkan seperti yang berikut:

bagur	(bkn manusia, binatang), lekas menjadi besar (gemuk) dan tinggi, luar biasa besar dan tingginya (hlm.)
cerpelai undil	sj binatang drpd jenis musang, <i>Herpestes spp.</i> tempat menyimpan wang, pundi-pundi
juruulas	orang yg memberikan tafsiran mengenai soal-soal politik dll (dlm surat khabar, radio, televisyen)
becak	berlumpur, lecah;

Berdasarkan contoh di atas, didapati pengguna masih tidak mendapat maklumat selengkapnya apabila merujuk entri yang dikehendaki. Oleh itu, kata *jabil* misalnya hanya diketahui maknanya apabila pengguna merujuk perkataan *undil* atau *pundi-pundi*. Oleh sebab permasalahan yang timbul ini, maka kajian ini menggunakan kaedah penyajian makna seperti yang diamalkan oleh kamus COBUILD terhadap seperangkat kata adjektif yang menjadi perwakilan. Diharapkan kaedah ini dapat meningkatkan pemaknaan dalam perkamusan Melayu, khususnya kamus ekabahasa.

TUJUAN KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini meneliti dan menghuraikan aspek pemaknaan dalam bidang perkamusan Melayu dengan tumpuan khusus terhadap pemaknaan kata adjektif. Pemaknaan dijadikan tumpuan kerana aspek ini merupakan yang paling sukar ditangani, khususnya dalam kamus ekabahasa. Hal ini disebabkan dalam kamus ekabahasa, takrifan sesuatu kata perlu menggunakan kata daripada bahasa yang sama. Secara khusus kajian ini mengetengahkan huraian makna seperti amalan yang dilakukan oleh Projek COBUILD. Amalan yang dilakukan oleh COBUILD ialah penghuraian definisi dalam bentuk perenggan (Hanks, 1987 dan Sinclair, 1991). Amalan pendefinisian seperti ini dipilih kerana huraian yang ditunjukkan bukan sekadar memerikan makna sesuatu kata tetapi juga menunjukkan cara sesuatu kata itu digunakan. Malahan, huraian seperti ini juga mampu menunjukkan bentuk tipikal sesuatu kata. Kedua, kajian ini juga akan meneliti sejauh mana kolokasi dapat membantu penyusun kamus membezakan makna satu perkataan dengan perkataan yang seperangkat dengannya secara jelas. Sesuatu perkataan akan membawa maksud tertentu apabila berkolokasi dengan perkataan tertentu dan membawa maksud yang lain apabila berkolokasi dengan perkataan lain. Oleh itu, kolokasi yang diteliti dapat mengelakkan seseorang penyusun daripada terlalu kerap menggunakan sinonim apabila

mentakrifkan sesuatu kata kerana perkataan yang diberikan sinonim itu tidak sama sepenuhnya dengan sesuatu kata entri untuk semua keadaan.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi melaksanakan kajian pemaknaan medan kecantikan ini, beberapa langkah telah diambil bagi mengumpulkan, menganalisis dan menghuraikan data yang diteliti. Untuk mengumpulkan data yang dikaji, teori medan makna digunakan. Menurut teori ini, sekumpulan perkataan dalam bidang tertentu yang mempunyai persamaan semantik dirangkumkan dalam medan yang sama. Bagi mendapatkan kata yang seperangkat dalam medan kecantikan ini, maka kamus sinonim telah digunakan. Kamus sinonim dijadikan sumber data kerana kamus ini memuatkan perkataan yang hampir sama maknanya dengan perkataan lain. Berdasarkan Kamus Sinonim ini, dipilih kata adjektif yang memiliki makna yang umum untuk maksud kecantikan sebagai kata entri untuk mendapatkan sinonim yang sepadan dengannya.

Oleh itu, kata yang dipilih sebagai entri ialah perkataan “cantik” dan daripada entri ini terdapat 40 sinonim yang sepadan dengannya, iaitu *lawa, bergaya, indah, menarik hati, segak, tampan, jombang, jelita, elok, kecil molek, mongel, laksmi, manis, syahdu, jambu, majlis, gelis, baik, ganteng, kirana, sedu, gombang, kacak, jangak, janguk, mentereng, bagus benar, hasan, jalak lenteng, ayu, berupa, bergaya, ada rupa, merinin, permai, rupawan, cekap, rancak* dan *juita*. Walau bagaimanapun, bagi tujuan kajian ini, hanya 18 daripada 40 kata yang dipilih, iaitu *anggun, ayu, bagus, cantik, comel, elok, indah, jelita, kacak, lawa, manis, molek, mongel, permai, ranggi, rupawan, segak* dan *tampan*. Pemilihan ini berdasarkan dua kriteria, iaitu dari segi bentuk, makna dan kelaziman kata adjektif. Dari segi bentuk, pada kelazimannya kata adjektif adalah dalam bentuk kata dasar (Norliza, 2015) berbanding dengan kata kerja dan kata nama. Bentuk kata terbitan kecuali *rupawan* dan frasa seperti *menarik hati* tidak diteliti. Kedua, kata dalam kategori kata arkaik contohnya perkataan *laksmi, gelis, ganteng, kirana, sedu, gombang, jangak, janguk, mentereng, hasan* dan *jalak lenteng* juga tidak dikaji kerana korpus yang digunakan dalam kajian ini ialah korpus semasa. Hal ini disebabkan penggunaan kata-kata arkaik dalam korpus semasa adalah terbatas dan hampir tiada digunakan lagi. Ketiga, bagi perkataan yang “agak jauh” maksudnya untuk dimuatkan dalam medan yang dikaji turut tidak diteliti seperti *rancak* dan *merining*.

Daripada 18 kata entri ini, dimanfaatkan data korpus bahasa Melayu yang terdapat di Dewan Bahasa dan Pustaka. Saiz korpus yang tersimpan

dalam pangkalan data DBP pada masa ini hampir 113 juta perkataan. Saiz ini memadai bagi penghasilan makna kamus ekabahasa bahasa Melayu kerana pada umumnya saiz seperti ini perlu bagi mendapatkan makna bagi kebanyakan kata entri bahasa Melayu. Data korpus yang dipilih terdiri daripada teks yang bersumberkan tulisan dalam kategori karya asli. Teks tersebut untuk bacaan peringkat pembaca umum dewasa yang diambil daripada buku dalam kategori buku umum. Pemilihan ini dibuat berdasarkan pertimbangan golongan dewasa umum mewakili kelompok pengguna bahasa yang melangkaui batas laras bidang. Golongan remaja atau kanak-kanak umum tidak dipilih kerana perbendaharaan kata yang digunakan mereka amat terbatas.

Daripada data korpus tersebut, diteliti baris-baris konkordans dengan menggunakan format KWIC (*key words in context*). Format KWIC bererti kata yang diteliti hadir di tengah-tengah baris dengan beberapa perkataan hadir di sebelah kiri dan kanannya. Dalam kajian ini, sebanyak lapan kata yang hadir sebelum dan selepas kata kunci yang dikaji. KWIC biasanya ditebalkan cetak hurufnya bagi memudahkan kata yang diteliti untuk dianalisis. Disebabkan medan kecantikan tergolong dalam kelas kata adjektif, maka fungsi tipikal golongan kata tersebut dalam ayat diteliti. Pada keadaan biasa, kata adjektif berfungsi sebagai penerang (Quirk, *et al.*, 1995). Dalam fungsi ini, kata adjektif hadir pada posisi selepas kata nama inti. Oleh itu, bagi memudahkan kajian ini untuk melihat fungsi kata adjektif yang sebenar, maka isihan konkordans dilakukan mengikut urutan abjad. Isihan di sebelah kanan atau kiri kata kunci bergantung pada fungsinya dalam ayat. Hal ini penting untuk membolehkan pengkaji mengelompokkan makna berdasarkan kata yang berkolokasi dengan perkataan yang menjadi kata kunci dalam konteksnya. Selain penerang, adjektif juga boleh berfungsi sebagai predikat dan pelengkap serta sebilangan kecil berfungsi sebagai subjek seperti *Cantik itu suatu anugerah*. Fungsi adjektif dalam binaan ayat penting dalam penghuraian makna berasaskan pendekatan COBUILD kerana dalam pendekatan ini huraian makna berdasarkan kehadirannya dalam ayat. Dengan cara itu, sesuatu kata ditafsirkan sama seperti perlakuannya dalam binaan ayat.

AMALAN COBUILD DALAM PEMERIAN MAKNA

Pemerian makna oleh COBUILD agak berbeza daripada huraian makna yang menjadi konvensi leksikografi bagi kebanyakan kamus ekabahasa. Huraian makna oleh COBUILD adalah dalam bentuk perenggan, dan perenggan ini

merupakan unit asas huraian makna (Hanks, P., 1987; Sinclair, 1991). Oleh itu, setiap kata entri mempunyai sekurang-kurangnya satu perenggan dan setiap perenggan huraian definisi ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian pertama dan kedua. Bahagian pertama merupakan kedudukan sebenar kata entri, manakala bahagian kedua menghuraikan makna kata entri tersebut. Contoh yang berikut merupakan huraian makna *small* dalam kamus COBUILD (2014).

1. [*A **small** person, thing, or amount of something*] *is not large in physical size.*
2. [*You use **small***] *to describe something that is not significant or great in degree.*
3. [*If someone speaks in a **small** voice*], *they speak in a quiet, high voice because they are frightened or ashamed.*
4. [*If someone makes you look or feel **small***], *they make you look or feel stupid or ashamed.*

Berdasarkan contoh di atas, frasa dalam kurungan siku ialah bahagian pertama dan selebihnya ialah bahagian kedua huraian definisi bagi entri *small* yang ditebalkan cetakan hurufnya.

Bahagian pertama dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu “operator”, “topik” dan “ko-teks”. Operator ialah unsur yang menandakan struktur sebenar sesuatu ayat (Sinclair, 1991), manakala topik ialah kata entri, sementara ko-teks ialah perkataan lain yang hadir dalam bahagian pertama ini selain topik dan operator. Oleh itu, *A small person, thing, or amount of something...* dalam contoh (1) di atas dapat dijelaskan sebagai:

- | | | |
|--|---|----------|
| (a) <i>A</i> | - | operator |
| (b) <i>small</i> | - | topik |
| (c) <i>person, thing, or amount of something</i> | - | ko-teks |

Dari sudut nahu bahasa Inggeris, artikel “a” merupakan unsur yang perlu hadir sebelum frasa nama. Oleh hal yang demikian, dalam amalan COBUILD, artikel turut dimuatkan dalam huraian definisi bagi menandakan struktur sebenar sesuatu unsur dan bentuk ini diistilahkan sebagai operator. Dari segi kata entri pula, terdapat kelainan cara meletakkan kata entri dalam amalan COBUILD. Walaupun kata entri yang diistilahkan sebagai topik ditebalkan cetakan hurufnya masih menyamai konvensi leksikografi

tetapi susunan kata entri ini tidak semestinya diletakkan terlebih dahulu berbanding dengan unsur lain kerana kedudukan entri ini bergantung pada cara penggunaannya dalam situasi sebenar. Oleh itu, bagi entri *small* kata entri ini merupakan penerang kepada kata nama diletakkan di hadapan kata nama dan didahului oleh artikel “a”. Bagi menjelaskan bentuk tipikal kata *small* dalam penggunaan bahasa Inggeris yang sebenar, maka diletakkan ko-teks (*co-text*), iaitu kata yang sering kali menggambarkan makna yang dimaksudkan. Oleh itu, dalam contoh (1) ini, COBUILD meletakkan *person, thing, or amount of something* sebagai unsur yang dirujuk sebagai *not large in physical size*.

Bahagian kedua pula merupakan huraian bagi sesuatu topik dan disebut sebagai “komen”. Komen menerangkan sesuatu topik dengan mendalam boleh dibahagikan kepada dua kelompok, iaitu kelompok pertama dan kedua. Kelompok pertama ini mengulang semula topik dalam bentuk lain dan diistilahkan sebagai “nukleus”, manakala kelompok kedua menerangkan topik dengan lebih lanjut sehingga dapat membataskan makna topik. Oleh itu, bahagian kedua bagi contoh (1) ... *is not large in physical size* ini dijelaskan seperti yang berikut:

- | | | | |
|-----|-------------------------|---|------------------|
| (a) | <i>is not large</i> | - | kelompok pertama |
| (b) | <i>in physical size</i> | - | kelompok kedua |

Frasa *is not large* merupakan makna bagi *small*, iaitu kedua-duanya mempunyai hubungan makna dari segi sinonim, manakala *in physical size* merupakan huraian lanjut dan membataskan makna *not large*, iaitu hanya merujuk saiz fizikal sesuatu. Bahagian pertama dan kedua ini dapat diperjelas melalui Jadual 1.

Daripada jadual tersebut, asas kepada struktur bahagian pertama ialah operator, ko-teks, dan topik, sementara bahagian kedua terdiri daripada operator, komen dan kelompok. Dalam bahagian pertama ini, selain artikel *a, the* atau *an*, COBUILD turut menggunakan perkataan *if* dan *when* bagi merujuk sesuatu perkara yang memerlukan pertimbangan seseorang individu. *If* bagi perkara yang jarang dilakukan sebaliknya *when* digunakan bagi aktiviti yang lazim dilakukan oleh kebanyakan individu. Pada bahagian ko-teks pula, COBUILD kadang kala memuatkan perkataan atau frasa seperti yang diucapkan oleh penutur. Contohnya seperti ... *someone speak in a ...* atau ... *someone makes you look or feel ...* menunjukkan bahawa penggunaan bahasa sebenar yang digunakan oleh penutur bagi entri *small* untuk maksud

Jadual 1 Struktur asas huraian definisi.

Bahagian Pertama				Bahagian Kedua		
Operator	Ko-teks	Topik	Koteks	Operator	Komen	Kelompok
<i>A</i>		<i>small</i>	<i>person thing of amount of something</i>	<i>is</i>	<i>not large in physical size</i>	1 2
	<i>You use</i>	<i>small</i>			<i>to describe something that is not significant or great degree</i>	1
<i>If</i>	<i>someone makes your look or feel</i>	<i>small</i>			<i>they make you look of feel ashamed</i>	1

they speak in a quiet, high voice atau they make you look or feel stupid or ashamed. Kehadiran ko-teks seperti ini dapat menunjukkan bentuk tipikal penggunaan kata tersebut, iaitu dalam bentuk melaporkan sesuatu.

Dalam bahagian kedua pula selain operator, bahagian ini diisi oleh komen. Komen boleh dibahagikan kepada dua kelompok. Kelompok pertama dalam bahagian kedua akan menerangkan bahagian pertama dengan lebih mendalam. Dalam kebanyakan huraian definisi, perkataan yang digunakan dalam ko-teks bahagian pertama akan diulang semula dalam bahagian kedua, sama ada melalui tautan perulangan atau tautan yang lain. Perulangan seperti ini disebut sebagai kerangka kerja huraian makna. Oleh itu, kelompok pertama bahagian kedua merupakan huraian semula topik dan disebut sebagai nukleus. Sementara itu, kelompok kedua bahagian kedua berkait dengan kelompok pertama, iaitu menghuraikan sesuatu topik dengan lebih lanjut. Contohnya *not large* ialah nukleus kepada keseluruhan huraian makna kerana merupakan makna teras kata entri, sementara *in physical size* membataskan makna *not large*. Hal ini bererti *not large* yang dimaksudkan hanyalah merujuk *physical size* sesuatu.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini dibincangkan dua perkara, iaitu pemerian makna dan kolokasi kata. Dalam bahagian pemerian makna, amalan COBUILD, iaitu pemerian makna dalam bentuk huraian diterapkan kepada medan kecantikan. Pada bahagian kolokasi pula dijelaskan kolokasi kata yang mengelompokkan atau yang membezakan bentuk kata dalam medan kecantikan.

Struktur Penghuraian Definisi

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pemerian makna dalam amalan COBUILD adalah dalam bentuk perenggan dan setiap perenggan terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian pertama dan bahagian kedua.

Struktur Bahagian Pertama

Bahagian pertama merupakan kedudukan sebenar kata entri dan bahagian kedua merupakan huraian makna bagi kata entri yang dinyatakan pada bahagian pertama. Contohnya bagi kata entri *manis* untuk maksud kelakuan atau tutur kata yang menarik hati maka huraian maknanya berdasarkan amalan COBUILD adalah seperti yang berikut:

[Kelakuan atau tutur kata yang **manis**] ialah kelakuan atau tutur kata yang menarik hati orang yang memandang atau mendengarnya.

Daripada contoh ini, huraian makna *manis* adalah dalam bentuk perenggan. Frasa dalam kurungan siku merupakan bahagian pertama, manakala selebihnya bahagian kedua. Berdasarkan amalan COBUILD, kelazimannya bahagian pertama terdiri daripada operator, topik dan ko-teks. Walau bagaimanapun, menerusi contoh ini struktur bahagian pertama ini terdiri daripada dua elemen sahaja, iaitu topik dan ko-teks. Topik ditebalkan cetak hurufnya, iaitu *manis*, manakala ko-teks ialah *kelakuan atau tutur kata yang ...* Berdasarkan contoh ini, tiada operator yang diperlukan. Hal ini disebabkan dalam nahu bahasa Melayu tidak ada penggunaan artikel. Daripada keseluruhan kata entri yang ditakrifkan, hanya satu sahaja operator yang digunakan dalam huraian definisi, iaitu entri *bagus*. Operator digunakan dalam entri ini dengan tujuan agar makna yang dihuraikan menjadi lebih tepat dan dapat ditunjukkan penggunaan oleh penutur natif. Operator yang digunakan ialah *apabila* yang dianggap lebih sesuai berbanding dengan *jika* kerana berdasarkan kolokasi jelas menunjukkan bahawa entri ini lazim

digunakan oleh kebanyakan orang. Dalam pemerian satu daripada tiga makna *bagus*, satu daripadanya menjelaskan sifat kepada perbuatan seseorang. Oleh itu, pada bahagian pertama perlu dimuatkan operator apabila dalam huraian maknanya.

Contoh:

[Apabila seseorang mengungkapkan perkataan **bagus**] orang itu memuji sesuatu perbuatan atau tindakan yang baik yang dilakukan oleh orang lain.

Penggunaan *apabila* sebagai operator pada bahagian pertama adalah perlu kerana penggunaan operator *apabila* dapat menunjukkan bahawa dalam bahasa Melayu, bagi kata entri *bagus* dengan maksud *memuji sesuatu perbuatan atau tindakan yang dilakukan oleh orang lain* pada kelazimannya digunakan dalam bentuk ungkapan. Hal ini dapat dibuktikan menerusi data korpus seperti yang berikut:

- **Bagus!** Mak kira lebih elok kalau kau bayar yuran itu dulu,” kata emak.
- Tiba- tiba Samad mengangkatkan ibu jari kanannya ke atas sambil berkata, “Tulisan awak **bagus!**”

Berdasarkan kedua-dua contoh ini, ungkapan *bagus* merupakan ungkapan yang kerap dilakukan oleh kebanyakan individu dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, operator *apabila* amat sesuai digunakan dalam huraian makna kerana dapat menunjukkan bentuk tipikal penggunaan *bagus* dalam bahasa Melayu dan secara tidak langsung dapat membezakan makna *bagus* daripada dua lagi makna *bagus* yang diperoleh dalam kajian ini.

Seperti yang dinyatakan di atas, topik ialah kata entri yang ditekankan cetak hurufnya. Disebabkan topik terdiri daripada golongan kata adjektif dan dalam penggunaan sebenar kata adjektif ini berfungsi sebagai penerang nama, maka topik lazimnya hadir bersama-sama kata nama yang diterangkan. Hanya satu sahaja kata adjektif ini hadir secara sendirian dalam bahagian pertama ini, iaitu kata entri *manis*. Entri yang lain semuanya hadir bersama-sama ko-teks. Contoh:

[**Manis**] ialah panggilan untuk gadis yang cantik.

Dari segi ko-teks pula, dalam kajian ini yang meneliti kategori kecantikan yang tergolong dalam kata adjektif, pada kelazimannya golongan kata ini berfungsi sebagai penerang kepada kata nama. Oleh itu, ko-teks diperlukan bagi menjelaskan unsur yang diterangkan oleh kata adjektif ini. Contoh:

[Wanita yang **ayu**] ialah wanita yang lazimnya cantik, berperwatakan

[Kanak- lemah lembut serta menarik apabila dipandang.
kanak atau bayi yang **comel**] ialah kanak-kanak yang mempunyai
muka yang cantik dan menarik.

[Lelaki yang **kacak**] ialah lelaki yang kelihatan gagah dan segak.

[Suasana atau tempat yang **permai**] ialah suasana atau tempat yang
indah dan tenang.

Berdasarkan contoh di atas, ko-teks amat membantu pengguna untuk mendapatkan bentuk tipikal yang hadir bersama-sama entri. Misalnya *ayu*, *comel*, *kacak* dan *permai* yang secara umumnya kesemua entri ini merujuk kecantikan, tetapi rujukannya adalah berbeza antara satu sama lain, iaitu *ayu* merujuk kecantikan bagi seseorang wanita, *comel* pula berkaitan dengan kanak-kanak atau bayi, *kacak* berkaitan dengan lelaki, sementara *permai* berkaitan dengan suasana atau keadaan. Dengan memuatkan maklumat ko-teks dalam huraian makna, secara tidak langsung pengguna dapat memahami bentuk tipikal penggunaan sesuatu kata entri dalam keadaan yang sebenar. Hal ini amat membantu pengguna untuk menggunakan kata entri dengan tepat dan persis.

Kesimpulannya, bahagian pertama huraian definisi bagi golongan kata adjektif yang entrinya terdiri daripada kategori kecantikan, struktur pertama ini terdiri tiga bentuk, iaitu terdiri daripada:

- i. operator, topik dan ko-teks.
- ii. topik sahaja.
- iii. topik dan ko-teks sahaja.

Kehadiran struktur bahagian pertama ini ditunjukkan dalam Jadual 2. Jadual ini menjelaskan struktur bahagian pertama terdiri daripada tiga

Jadual 2 Bahagian pertama huraian definisi.

Bahagian Pertama			
Operator	Ko-teks	Topik	Koteks
Apabila	seseorang mengungkapkan perkataan	bagus	-
-		manis	-
-	Wanita yang	ayu	-
-	Lelaki yang	kacak	-

aspek, iaitu kehadiran topik sahaja, topik dengan operator serta ko-teks dan kehadiran ko-teks dengan topik. Didapati bahawa hanya satu sahaja ko-teks yang hadir sebelum dan selepas kata entri atau topik, manakala yang selebihnya hadir sebelum kata entri atau topik. Contoh:

[Gerakan yang **cantik** seperti tendangan atau pukulan] ialah gerakan yang cemerlang, sangat bagus, hebat atau baik dalam sesuatu permainan atau sukan.

Frasa ... *seperti tendangan atau pukulan* merupakan ko-teks yang hadir selepas topik bagi menerangkan bahagian pertama ini dengan lebih jelas. Kehadiran ko-teks seperti ini mampu membantu pengguna memahami makna cantik untuk maksud di atas dengan lebih baik. Dalam memilih ko-teks yang dapat menjelaskan makna dengan tepat, digunakan konsep tipikal berbanding dengan konsep kewajaran. Bentuk tipikal ini termasuklah struktur tatabahasa, kelas kata dan kolokasi. Dalam medan kecantikan ini, kata entri *cantik* misalnya boleh membawa maksud *menarik apabila dilihat atau dipandang* apabila berkolokasi dengan perkataan seperti *wanita, lukisan, pakaian, kain songket, aktres, puteri, anak raja, mata, wajah, tubuh, badan, tulisan, ukiran, bunga, dan perhiasan*. Entri cantik juga boleh membawa maksud *gerakan yang sangat bagus, hebat dan baik* apabila berkolokasi dengan sepakan, merembat, gerakan, menggelecek, pukulan, larian solo, gol, jaringan, lambungan dan menanduk. Jika kamus memerikan makna cantik dengan memaparkan definisi *Gerakan yang cantik* ialah ... definisi ini dianggap terlalu terbatas kerana terhad kepada perkataan tertentu sahaja yang *cantik*. Dalam pendekatan COBUILD, bentuk keutamaan lebih

dipentingkan berbanding dengan bentuk keterbatasan. Oleh itu, COBUILD menggunakan *such as* untuk memaparkan bentuk tipikal sesuatu kata entri. Oleh itu, bagi memerikan makna *cantik* untuk maksud *gerakan yang sangat hebat* dan *bagus*, maka pada bahagian huraian makna diletakkan perkataan *seperti*. Berdasarkan contoh di atas, kejelasan makna dapat ditunjukkan dengan cara memuatkan kolokasi sesuatu kata entri. Kolokasi yang dipilih perlulah kolokasi yang tipikal. Oleh itu, setiap keterangan makna menunjukkan konteks tipikal kata entri dan ini amat membantu pengguna untuk mengekodkan teks.

Struktur Bahagian Kedua

Struktur bahagian kedua ini merupakan definisi bagi kata entri. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, struktur bahagian kedua boleh dibahagikan kepada dua kelompok, iaitu kelompok pertama dan kelompok kedua. Unsur terpenting dalam kelompok pertama bahagian kedua ini ialah *nukleus* yang merupakan makna teras bagi kata entri, manakala bahagian kedua merupakan huraian lanjut berkaitan kata entri. Menerusi *nukleus* ini, pengguna dapat memahami dan membezakan makna bagi setiap kata entri. Jika sesuatu kata entri memiliki beberapa makna, nukleus ini dapat menjelaskan persamaan atau perbezaan makna bagi entri yang sama. Contoh:

Entri : *bagus*

Makna I

[Sesuatu yang **bagus**] [ialah sesuatu yang keadaannya atau sifatnya baik serta memuaskan hati].

Makna II

[Sesuatu yang **bagus**] [ialah sesuatu yang **sangat cantik**].

Makna III

[Apabila seseorang mengungkapkan perkataan **bagus**]
[orang itu memuji sesuatu perbuatan atau tindakan **baik** yang dilakukan oleh orang lain].

Entri : elok

Makna I

[Sesuatu seperti rupa atau tulisan yang **elok**] [ialah sesuatu rupa atau tulisan yang **menarik** dan menyenangkan hati apabila dipandang].

Makna II

[Sesuatu yang **elok**] [ialah sesuatu yang **sesuai** dan **bagus**].

Makna III

[Perbuatan atau budi pekerti yang **elok**] [ialah perbuatan atau budi pekerti yang **menimbulkan rasa senang** orang yang melihatnya.

Makna IV

[Sesuatu yang **elok**] [ialah sesuatu yang **baik, telah pulih atau sihat**].

Berdasarkan contoh di atas, *nukleus* dapat menjelaskan persamaan dan perbezaan makna. Misalnya bagi entri *bagus*, makna I dan II dapat dibezakan kerana makna I merujuk *baik*, manakala makna II merujuk sesuatu yang *cantik*. Makna III walaupun mempunyai nukleus yang sama dengan makna I, iaitu *baik* tetapi makna III dibezakan dengan makna I secara meletakkan frasa *ungkapan memuji*. Begitu juga dengan entri *elok*, dapat dibezakan antara makna I hingga IV disebabkan perbezaan dari segi nukleus dan dibantu oleh ko-tekst yang dimuatkan selepas atau sebelum nukleus. Berdasarkan contoh ini, *nukleus* dapat membantu pengguna kamus memahami makna *bagus* dan *elok* dengan lebih jelas.

Kelompok kedua pula merupakan huraian lanjut bagi nukleus. Kelompok kedua ini amat berkait rapat dengan kelompok pertama dan lazimnya membantu pengguna memahami sesuatu entri dengan lebih baik. Seperti yang dinyatakan di atas, nukleus bagi makna I dan makna III adalah sama, iaitu *baik* tetapi kelompok kedua ini memuatkan frasa *yang dilakukan oleh orang lain* amat membantu pengguna memahami dengan lebih lanjut perbezaan antara kedua-dua kata entri tersebut. Hal ini disebabkan kelompok kedua bagi makna III dapat menjelaskan bahawa *bagus* ditujukan oleh seseorang kepada orang lain. Oleh itu, kedua-dua kelompok dalam bahagian kedua

ini amat membantu pengguna kamus untuk mendapatkan makna sesuatu kata. Walaupun *nukleus* atau makna utama sesuatu kata entri itu sama, tetapi masih wujud perbezaan kecil. Perbezaan kecil ini dijelaskan menerusi kelompok kedua.

Kesimpulannya, bahagian kedua huraian definisi bagi golongan kata adjektif yang entrinya terdiri daripada kategori kecantikan ini, struktur pertama memiliki dua kelompok, iaitu:

- i. kelompok pertama – ko-teks, nukleus, ko-teks.
- ii. kelompok kedua – huraian lanjut

Jadual 3 Bahagian kedua huraian definisi.

Entri	Bahagian Kedua			
	Kelompok Pertama			Kelompok Kedua
	Ko-teks	Nukleus	Ko-teks	Huraian Lanjut
bagus	sesuatu yang keadaannya atau sifatnya	baik serta memuaskan hati	-	-
	sesuatu yang	sesuai dan bagus	-	
	orang itu memuji perbuatan atau tindakan	baik	-	yang dilakukan oleh orang lain
Elok	sesuatu rupa atau tulisan yang	menarik dan menyenangkan hati	-	apabila dipandang
	sesuatu yang sangat	cantik	-	-
	perbuatan atau budi pekerti yang	menimbulkan rasa senang	-	orang yang melihatnya
	sesuatu yang	baik, telah pulih atau sihat	-	-
	sesuatu rupa atau tulisan yang	menarik dan menyenangkan hati	-	apabila dipandang

Hal ini ditunjukkan dalam Jadual 3. Berdasarkan jadual ini, nukleus yang ditekankan cetak hurufnya berada dalam kelompok pertama merupakan makna teras bagi sesuatu kata entri. Dengan meneliti *nukleus* ini, pengguna dapat membezakan sesuatu makna dengan jelas. Kelompok kedua pula mempunyai perkaitan yang rapat dengan kelompok pertama dan berfungsi untuk menjelaskan *nukleus* dengan lebih lanjut.

KOLOKASI

Kolokasi secara jelas memainkan peranan penting dalam membezakan makna kata, sama ada bagi entri yang sama atau entri yang berbeza. Menerusi kolokasi ini, dapat ditunjukkan persamaan dan perbezaan antara sesuatu entri dengan entri yang lain. Kolokasi ini dapat dikenal pasti menerusi baris konkordans. Oleh itu, berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap baris-baris konkordans, makna kata dapat ditunjukkan. Hasil daripada penelitian terhadap baris konkordans, maka makna perkataan dalam kategori kata adjektif diperoleh. Berdasarkan kata yang berkolokasi dengan *KWIC*, maka penyusun kamus mendapat gambaran awal tentang makna perkataan dalam kategori kecantikan. Hasil penelitian terhadap perkataan yang berkolokasi ini, makna kategori kecantikan mampu dijelaskan.

Dalam kategori kecantikan ini, berdasarkan penelitian terhadap baris konkordans, didapati tidak ada satu pun entri dalam kategori kecantikan ini mempunyai persamaan makna yang sama sepenuhnya. Hal ini dijelaskan oleh kolokasi yang hadir bersama-sama entri.

(1) Anggun

Makna I

Penampilan, gaya atau wajah yang elok dan menarik hati apabila dipandang, pada kelazimannya entri *anggun* berkolokasi dengan *baju, gaya, kebaya, berbaju kurung, ayu, tenang, berkeyakinan, berpakaian, ciri-ciri, cantik, majlis, glamor, songket moden, wanita, wajah dan jelita*.

Makna II

Sesuatu yang hebat dan mewah, pada kelazimannya kata entri *anggun* berkolokasi dengan *kereta, motosikal, tudung, gaya,*

reka bentuk, rekaan, glamor, mewah, berseri, menyerlahkan, fesyen, gaya, terkini.

(2) Ayu

Wanita yang lazimnya cantik dan lemah lembut serta menarik, pada kelazimannya entri *ayu* berkolokasi dengan *anggun, berambut ikal, wajahnya, pengantin, gadis, jelita, comel, muda, perempuan, wanita, permaisuri, puteri, manis, cantik.*

(3) Bagus

Makna I

Sesuatu yang keadaannya atau sifatnya baik serta memuaskan hati pada kelazimannya entri *bagus* berkolokasi dengan *rawatan, cadangan, menunggang, pelakon, filem, produk, atlet, pemain, syarikat, foto-foto, rancangan, perbuatan, tindakan, pelajaran.*

Makna II

Sesuatu yang sangat *cantik* pada kelazimannya kata entri *bagus* berkolokasi dengan *berkulit.*

Makna III

Kata pujian terhadap sesuatu perbuatan, tindakan dan sebagainya yang dilakukan dengan baik sekali pada kelazimannya entri *bagus* berkolokasi dengan *isyarat, pelakon, filem, produk, cikgu, jurulatih, layanan, persembahan, suara, artis, pemain, kerja, tarian, vokal.*

(4) Cantik

Makna I

Orang, benda atau haiwan yang menarik apabila dilihat atau dipandang pada kelazimannya entri *cantik* berkolokasi dengan *wanita, lukisan, pakaian, kain songket, aktres, puteri, anak raja, mata, wajah, tubuh, badan, tulisan, ukiran, bunga, burung, perhiasan.*

Makna II

Gerakan yang cemerlang, sangat bagus, hebat atau baik pada kelazimannya entri *bagus* berkolokasi dengan *sepakan, merembat, gerakan, menggelecek, pukulan, larian solo, bermain, gol, jaringan, lambungan, menanduk*.

(5) Comel

Makna I

Kanak-kanak yang mempunyai muka yang cantik dan menarik pada kelazimannya entri *comel* berkolokasi dengan *bayi, kecil, kanak-kanak, adik, anak, cahaya mata, anak ayah, pipi, wajah, bibir, zuriat, anak kembar, cucu-cucunya*.

Makna II

Gadis atau wanita yang mempunyai muka yang cantik dan manis serta kecil molek tubuhnya pada kelazimannya entri *comel* berkolokasi dengan *gadis, isteri, wanita, bibir, berwajah, berbadan, perempuan, jururawat, penyanyi, puteri, hidungnya, bidadari, jejari*.

Makna III

Benda atau haiwan yang kecil dan menarik apabila dipandang pada kelazimannya entri *comel* berkolokasi dengan *anjing, bekas susu, rumah, tomato, kucing, penguin, gubahan, tudung saji, kerusi, tabung, arnab, mata, barangan*.

(6) Elok

Makna I

Rupa atau tulisan yang menarik dan menyenangkan hati apabila dipandang pada kelazimannya entri *elok* berkolokasi dengan *kecantikan, paras rupa, gadis remaja, keistimewaan, wanita, muka, tulisannya, parasnya, sikapnya, mukanya, hidungnya, menawan hati*.

Makna II

Sesuatu yang sesuai dan bagus pada kelazimannya kata entri *elok* berkolokasi dengan *masaknya, usaha, dibaca, cuaca, luang*

masa, suara, penanaman, hantar, tidur, jalan raya, barang, sekolah, perkataan, imej.

Makna III

Perbuatan atau budi pekerti yang menimbulkan rasa senang orang yang melihatnya pada kelazimannya kata entri *elok* berkolokasi dengan *perangai, akhlaknya, diniatkan, budi pekerti, sikapnya, soleh, perbuatan, perkara, tabiatnya, bahasa, tingkah laku.*

Makna IV

Sesuatu yang baik, telah pulih atau sihat pada kelazimannya kata entri *elok* berkolokasi dengan *badannya, rawatannya, tubuh, sihat, pulih, makanan, susuan, kesihatan, minuman.*

(7) Indah

Sesuatu yang cantik, bagus benar, elok atau molek, lazimnya menyenangkan hati apabila dilihat, didengar atau dialami pada kelazimannya kata entri *elok* berkolokasi dengan *bunga, corak, batik, pelamin, pemandangan, gambaran, landskap, lautnya, negara, masjid, pakaian, perhiasan, bandar raya, suasana.*

(8) Jelita

Gadis atau wanita yang sangat cantik dan menawan rupa parasnya pada kelazimannya kata entri *jelita* berkolokasi dengan *kecantikan, tuan puteri, gadis, muda, aktres, artis, perempuan, model, bidadari, cantik, wanita, gebu, anggun, manis.*

(9) Kacak

Lelaki yang kelihatan gagah dan segak pada kelazimannya kata entri *kacak* berkolokasi dengan *artis, tampan, segak, berpakaian kemas, bintang, bujang, berwajah, pemuda, jejaka, suami, putera, hero, model, lelaki, rupa, penyanyi, tampil.*

(10) Lawa

Wanita, pakaian atau perhiasan yang lawa ialah wanita, pakaian atau perhiasan yang cantik atau menarik apabila dipandang pada kelazimannya kata entri *lawa* berkolokasi dengan *menantunya, pakaian, muka, kacak, tampan, cantik, perempuan, janda, berhias, rupa, muka, orangnya.*

(11) Manis

Makna I

Sesuatu yang manis ialah sesuatu yang mempunyai rasa seperti rasa gula atau madu. Pada kelazimannya kata entri *manis* berkolokasi dengan *masakan, selera, masyarakat, rasa, sayuran, sengkung, timun, pemakanan, seimbang, gula, hidangan.*

Makna II

Kelakuan atau tutur kata yang **manis** ialah kelakuan atau tutur kata yang menarik hati. Pada kelazimannya kata entri *manis* berkolokasi dengan *senyuman, bisikan, bercakap, cantik, kelakuan, tingkah laku, mengambil hati, budi bicara, penampilannya.*

Makna III

Seseorang atau sesuatu yang dipandang cantik, atau menarik hati. Pada kelazimannya kata entri *manis* berkolokasi dengan *dipandang, senyuman, bibirnya, anak gadis, berkebaya moden, lembut, wajah, muka, mulut, paras, bertudung.*

Makna IV

Panggilan untuk gadis yang cantik. Pada kelazimannya entri *manis* berkolokasi dengan *si cantik, gadis, adik, adinda, nona, anak, wanita.*

(12) Molek

Makna I

Rupa, bentuk atau pakaian yang cantik dan menarik. Pada kelazimannya entri *molek* berkolokasi dengan *kecil, wanita, puteri, bentuk badan, kelihatan, cantik, bersih, lawa, manis, elok, hamba, ayu.*

Makna II

Perbuatan, cadangan atau tindakan elok dan baik. Pada kelazimannya entri *molek* berkolokasi dengan *cadangan, berpendapat, seksyen, rasionalnya, memikat, belajar, pekerjaan, berdandan, bertudung, bantuan, ditugaskan.*

(13) Mongel

Makna I

Tubuh atau anggota tubuh yang agak berisi tetapi menarik apabila dipandang. Pada kelazimannya entri *mongel* berkolokasi dengan *tubuh, wajah, tangan, hidung, punggung, bibir, gadis kecil, kucing, perempuan, kanak-kanak, bayi*.

Makna II

Anak yang menarik hati apabila dipandang. Pada kelazimannya kata entri *mongel* berkolokasi dengan *manja*.

(14) Permai

Suasana atau tempat yang indah dan tenang. Pada kelazimannya entri *permai* berkolokasi dengan *pemandangan, indah, Sungai Seine, pulau, Lembah, kampung, Malaysia, pantai, bukit, danau, alam, langit, sawah bendang*.

(15) Ranggi

Seseorang atau sesuatu yang ranggi ialah seseorang atau sesuatu yang bergaya atau kelihatan hebat. Pada kelazimannya entri *ranggi* berkolokasi dengan *pakaian, penampilan, reka bentuk, gaya, aksesori*.

(16) Rupawan

Seseorang yang cantik, elok dan menawan. Pada kelazimannya entri *rupawan* berkolokasi dengan *adinda, gadis, wanita, bangsawan, anak muda, perempuan, bidadari, kakanda, suami, isteri, wanita, penggodas, Sang Pangeran, raja, sahabat*.

(17) Segak

Makna I

Lelaki yang *segak* ialah lelaki yang memiliki rupa paras yang menarik dan tampan. Pada kelazimannya entri *segak* berkolokasi dengan *tampil, disandingkan, berpakaian*

Makna II

Rupa dan cara berpakaian yang *segak* ialah rupa atau cara berpakaian yang kemas dan bergaya. Pada kelazimannya entri *segak* berkolokasi dengan *tampil, disandingkan, berpakaian seragam, jejaka, bergaya, tegap, suaminya, Syamri, Helmi, tampak, tubuhnya, berdiri, penampilan*.

(18) Tampan

Lelaki yang memiliki rupa paras yang menarik dan elok. Pada kelazimannya entri *tampan* berkolokasi dengan *menarik, aktor, jejaka, kacak, segak, lelaki, berwajah, bertubuh, pemuda, anak muda, macho, rupa, suami, putera, pelajar, pelakon, pelayan, muka, remaja*.

Daripada 18 entri ini, terdapat sebanyak 33 makna kesemuanya. Entri *elok* dan *manis* mempunyai empat makna, manakala entri lain memiliki 3, 2 atau 1 makna sahaja. Daripada jumlah ini, pada umumnya kategori kecantikan ini boleh dikelompokkan kepada 15 kelompok makna sama ada bagi kata entri yang sama atau kata entri yang berbeza. Pengelompokan ini dapat menjelaskan entri yang memiliki makna yang hampir sama. Pengkategorian ini dilakukan berasaskan kolokasi kata yang sama atau hampir sama yang hadir bersama-sama kata entri. Oleh itu, menerusi kolokasi, pengguna kamus dapat meneliti kelompok kata yang hampir sama atau diistilahkan sebagai sinonim.

KESIMPULAN

Berdasarkan baris konkordans yang dikaji, golongan kata adjektif yang terdiri daripada entri dalam kategori kecantikan memiliki makna yang pelbagai. Dengan menggunakan data korpus, maka makna kata dapat diperikan dengan lebih tepat. Malahan menerusi baris-baris konkordans, kolokasi dapat diteliti dengan jelas dan sesuatu kata dapat dilihat persamaan atau perbezaan maknanya. Hasil daripada pemerhatian terhadap data korpus ini, huraian makna berasaskan pendekatan COBUILD dapat diterapkan kerana setiap kata memiliki maklumat yang mencukupi untuk dihuraikan dalam bentuk struktur huraian. Amalan ini dapat membantu penyusun memerikan sesuatu kata dengan tepat serta jelas dan secara tidak langsung dapat membantu pengguna kamus melihat penggunaan sebenar kata tersebut dalam sesebuah ayat.

PENGHARGAAN

Makalah ini hasil daripada Geran Penyelidikan Universiti, 2011015910701. Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada RMIC, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

RUJUKAN

- Chong Oi Chin. (2015). *Metabahasa dalam kamus ekabahasa Melayu Malaysia dan Indonesia*. (Disertasi Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Collins COBUILD advanced learner's dictionary*. (2014). New Edition. London: Harper Collins.
- Hanks, P. (2000). *Contributions of lexicography and corpus linguistics to a theory of language performance*. United Kingdom: Oxford
- Hanks, P. dan James Pustejovsky (2005). *A pattern dictionary for natural language processing*. Brandeis University: Revue Francaise de Langue Appliquée.
- Ismail El Maarouf (2016). *Methodological aspects of corpus pattern analysis*. ICAME 37.
- Nor Fazilah Noor Din. (2016). Peluasan makna payung dalam kalangan pengguna Bahasa Melayu berdasarkan analisis semantik kognitif. In International Seminar on Generating Knowledge Through Research. UUM-UMSIDA. October. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Norliza Jamaluddin. (2015). *Perlakuan kata sifat berasaskan data korpus berkomputer*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Ain Ahmad. (2015). Aspek leksikografi entri dialek Kelantan dalam *Kamus Dewan* Edisi Keempat. (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Quirk, *et al.*, (1995). *A comprehensive grammar of the English language*. New York: Longman.
- Sinclair, J. M. (1987). *Looking up*. London and Glasgow: Collins ELT.
- Sinclair, J. M. (1989). *Corpus, concordans and collocation*. New York: Oxford University Press.

Diperoleh (received): 4 April 2018

Diterima (accepted): 23 Oktober 2018

Contoh Konkordans "cantik"

1)	... dengan Futwal last yang (11) cantik	
10a)	(SINDRUM LUTAN ?	
2)	2. Cantik	Mangung Indah tidak dapat ditandingi ...
UNTUK BEROLAN		
3)	2. Cantik	wajah Futwal Hanie.
SEPOLAN		
4)	(a) Cantik	Hanie.
HEDESI SIKAR		
5)	"Mata abang cantik."	
6)	... ambil wanita cantik tak ada cantik	yang bekerja dalam kerajaan saya.
patut dicerah kepada BF		
7)	... alien pelbagai bentuk, rupa ada cantik	atau hodoh.
siapa saman?		
8)	Henlei rupa ada cantik	atau tidak seindah bergej adalah ...
letirawa dalam hidup saya'		
9)	Apa tidak ada cantik	dalam diriku? Unsur-unsur cantik ada ...
10)	... kecantikan yang dianggap sama ada cantik.	boleh diterima atau sebagai tergolong ...
SOSIOLOGI		
11)	... lelaki ingin memanggapi siapa? Adakah cantik	dijadikan ukuran?
12)	... memanggapi wanita berkulit putih adalah cantik.	
putihkan kulit		
13)	... kecantikan kerana rupa juga adalah cantik.	
berindah tegas		
14)	"Setiap beritah adalah cantik.	
keunggulan		
15)	... hanya segelintir berpendapat mereka adalah cantik.	
kecantikan sebanar		
16)	"Saya rupa orang pengayang adalah cantik.	
kecantikan		
17)	... atau khusus untuknya dia adalah cantik	sebagai dan perlahan-lahan Australkan punggungi ...
ESPERIMENTAL		
18)	... berulang kali bahawa "dian adalah cantik".	
SOSIOLOGI		
19)	... ini berakhlak dengan rupa dengan cantik	yang amat menyayat hati dan ...
keindahan, keupayaan		
20)	... Jaka, anak raja Cina; Adik cantik	ayang tak gila. Uang banyak ...
21)	... Lani ke gua baru; Adik cantik	ayang pun cantik. Abang nak ...
22)	... Batak datang dari Jawa; Adik cantik	ayang pun cantik. Marah perang ...
23)	... Sapanggal juo pohon papaya; Adik cantik	ayang gila, Adik tak mahu ...
24)	... tikar di atas bazar; Adik cantik	ayang pun cantik. Rajai dahwat ...
25)	"Nuhai. cantik	aku hari ini." Batak beritah ...
laki berbanding		
26)	... Biatez, saatu gadis yang agak cantik.	dan mahu menyadi leleh cantik. ...
27)	... kami mendapat beg yang agak cantik.	ini menarik perhatian anggota kumpulan ...
peroma		
28)	Heana selanjut yang ketampanan agak cantik	dalam panggilan.
29)	... di sebuah rumah yang agak cantik.	terapi bukan letana.
30)	"Agak-agak cantik	makan mana tu?" Senja Hat ...
31)	3500 Cantik	Tuk!
32)	... sejumlah bila masuk alam air. cantik	tak dalam tu. dalam air ...
menjadikan kenyataan		
33)	Mangat aja cantik.	letana bunga dapat selangkah merah ...